



Pada 8 Disember 2015, Masato Koyama, dan Masahisa Heike iaitu Guru Kanan dan Guru dari Sekolah Tinggi Yumenodai, Jepun telah mewalat ATMA seraya menyatakan hasrat mereka untuk membawa pelajar sekolah dan mengadakan aktiviti budaya di Istana Puteri Bongsu.

ATMA menganjurkan Pertandingan Permainan Tradisional Antara Kolej Kediaman pada 5 Disember 2015.



Pada 21 dan 22 September 2015, ATMA dengan kerjasama Institut Alam Sekitar & Pembangunan (LESTARI) UKM, Universitas Riau, Pekan Baru, Riau, Indonesia, Persatuan Pengurusan Persekutuan Malaysia (EMS) menganjur Seminar Antarabangsa Ke- 8, Ekologi, Habitat Manusia & Perubahan Persekitaran Di Alam Melayu.



Tokoh pelukis negara, Dato' Ismail Embong mengadakan Pameran dan Bengkel Lukisan di Perpustakaan Tun Seri Lanang pada 19 November 2015. Pameran anjuran ATMA dengan kerjasama Gabungan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) tersebut mendapat sambutan hangat.



ATMA telah menganjurkan Sanggar Kerja untuk staf akademik dan pentadbiran pada 16 sehingga 18 Disember bertempat di Gold Coast, Morib.



Maklumat Lanjut Sila Hubungi
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor

Tel : 03-89215280 / 4737
Faks : 03-89254698
E-mel : pghatma@ukm.edu.my/ppatma@ukm.edu.my
Laman Web : <http://www.ukm.my/atma/>

BULETIN ATMA

Bil. 5 | ISSN: 1985-5656 | 2016



ATMA DUA BENUA: ANTARA LONDON DAN MAKASSAR

2016 merupakan tahun yang mencabar buat semua warga UKM. ATMA tidak terkecuali. Pengarah ATMA, Profesor Dr Nor Hashimah Jalaluddin memberitahu, ATMA bakal menganjurkan Persidangan Antarabangsa Pengajian Alam Melayu di SOAS, London. Menurut beliau, usaha ini mendapat sokongan Dewan Bahasa dan Pustaka dan ITBM.

"Kita gembira kerana Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim iaitu penasihat kerajaan dalam hal chwl sosial dan kebudayaan yang bertaraf menteri juga sudi menuangi."

Profesor Dr Nor Hashimah menjelaskan akan terdapat dua sesi ketika persidangan ini iaitu mengenai Alam Melayu sendiri dan satu sesi khas untuk Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM). Ia akan disertai oleh semua ketua pusat pengajian Melayu di Eropah. "Kita mesti berbangga kerana wakil dari Amsterdam, Frankfurt, London dan Napoli hadir. Malah kita juga berusaha mendapatkan anggota MABM dari Asia Timur iaitu dari Jepun, Korea dan China. Inilah impian impak kami 2016."

Dalam pada itu ATMA tidak bercita-cita di peringkat antarabangsa sahaja. Selaras dengan hasrat UKM untuk mengetuk jendela negeri, ATMA akan memuat naik khazanah budaya dalam portal Malay Civilization, dengan negeri Perak sebagai langkah awal.

"Inovasinya kita akan sediakan aplikasi untuk telefon pintar, dan android iaitu segala maklumat budaya negeri Perak kini di hujung jari. Untuk itu kita akan bekerjasama dengan kumpulan penyelidikan yang relevan."

Dalam pada itu, Timbalan Pengarah ATMA iaitu Profesor. Madya Dr. Zuliskandar Ramli memilih untuk bersederhana tetapi kekal menonjol dengan ketara.

"Ada tiga sasaran pada 2016. Kita fokus di Timur, alam Melayu. Pertama, kerja keras pelestarian alam semula jadi di Baling, Hulu Kelantan, dan Merapoh, Pahang akan melibatkan masyarakat setempat dan Orang Asal. Kita komited meningkatkan aktiviti pelancongan arkeo di kawasan tersebut."

Kedua, menurut beliau, siri seminar dengan kerjasama Universitas Riau akan diteruskan dan tahun ini ia akan berlangsung di Bandung. Sementara Seminar Antarabangsa Ke- 5, Arkeologi, Sejarah & Budaya Di Alam Melayu pula akan diadakan di Makassar dengan kerjasama Universitas Hasanuddin.

"Ini merupakan program pengisian MOU dengan ketiga-tiga universiti tersebut. Bahkan tahun ini, kita juga bersedia melunasi MOU dengan Royal Academy of Cambodia. Kita akan bantu arkeologis Kemboja untuk membangunkan bidang arkeometri (arkeologi sains) di tapak jumpanan peralatan besi berhampiran Angkor Wat di sekitar Siem Riep."

"Ketiga, penyelidikan ekskavasi di Candi Kampung Sungai Baru Kota Kuala Muda Kedah dan penyelidikan ekskavasi prasejarah di Merapoh, Kuala Lipis kita gigihkan lagi. Ia merupakan kenyataan yang akan memberi impak sebenar buat ATMA, dan UKM pastinya."

Sidang Pengarang Buletin ATMA mengucapkan selamat maju jaya buat warga ATMA dalam merealisasikan acara besar antara dua benua, Timur dan Barat, iaitu Makassar dan London.



Kerja keras ekskavasi diteruskan

Impian ATMA di London tahun ini

SIDANG EDITORIAL BULETIN ATMA

Ketua Pengarang:
Dr Mohd Faizal Musa

Pengarang:
Cik Suhaini Md. Noor
Encik Ahmad Bazri Mokhtar
Encik Muhamad Shafiq Mohd Ali

Juru Taip:
Encik Mohd Hafiz Md. Hussain

"TARBIAH" DALAM NOVEL POPULAR ISLAMI DI MALAYSIA: TAKRIF DAN MANIFESTASINYA

Suhaini Mohd Noor

Bertarikh 15 Oktober 2015 yang lalu bertempat di Bilik Wacana ATMA, salah seorang Felo Penyelidik Utama ATMA iaitu YBhg. Profesor Dr. Ungku Maimunah Mohd. Tahir telah menyampaikan kupsasan penyelidikannya bertajuk "Tarbiah" Dalam Novel Popular Islami di Malaysia: Takrif dan Manifestasinya. Prof. Ungku berjaya menarik minat hadirin terhadap realiti kecenderungan penulisan novel Barat yang hanya berpaksikan formula romantis dan kebolehpasaran serta bezanya dengan penulisan novel popular Islami di Malaysia yang berformulakan syariat dan manifestasi tarbiah dan dakwah.



SYARAHAN RAJA ALI HAJI

Suhaini Mohd Noor

Dengan kerjasama ATMA, Persatuan Linguistik Malaysia (PLM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), dan Pejabat SUK Johor, Syarahan Raja Ali Haji kali ke 20 telah berjaya dianjurkan pada 29 November 2015 yang lalu di Dewan Tayangan, Bangunan Dato Jaafar Muhammad, Kota Iskandar, Nusajaya Johor. Syarahan bertajuk 'Johor: Pusat Tamadun Alam Melayu' ini disampaikan oleh anak jati Johor kelahiran Pontian, Profesor Dr. Nor Hashimah Jalaluddin yang merupakan Pengarah ATMA merangkap Presiden Persatuan Linguistik Malaysia.



KESARJANAAN MANTAN FEO ATMA AKAN TERUS DIKENANG

Suhaini Mohd Noor

Allahyarhamah Dr. Hermayulis Hamid merupakan mantan Felo Penyelidik ATMA selama 3 tahun bermula 2010-2012 dan telah berkhidmat sebagai Sarjan Tamu di ATMA selama 4 tahun bermula 2005-2008. Beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir di Jakarta pada 10 Disember 2015 lantaran penyakit kanser yang dialami. Sebagai menghargai sumbangan penyelidikan beliau, artikel penulisannya disenaraikan dalam Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (IMAN) terbitan UKM mendatang.



SEMINAR ANTARABANGSA KE-4 ARKEOLOGI, SEJARAH DAN BUDAYA DI ALAM MELAYU

Muhamad Shafiq Mohd Ali



Ia dianjurkan oleh Kumpulan Penyelidikan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan di Alam Melayu (ATMA), dengan kerjasama Muzium Warisan Akademik UKM, Kluster Sejarah, Warisan dan Sosio-Budaya, Majlis Profesor Negara (MPN) di bawah pimpinan Prof. Dr. Teo Kok Seong, dan Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia. Peserta dan juga pembentang dari beberapa buah negara seperti Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei, Kembboja ikut hadir. Seminar pada 25 dan 26 November 2015 tersebut diadakan di Dewan Persidangan dan Bilik Seminar kampus Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Syah, dan Pusat Penyelidikan Langkawi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengisian puncak dalam seminar ini adalah sebuah forum yang bertemakan "Kelestarian Warisan di Malaysia" dengan ahli panelnya terdiri daripada Encik Kamalul Baharin A. Kassim (Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia), Encik Azemzi Abdul Aziz (Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia) dan Profesor Dr. Akin Duli (Arkeologis dari Indonesia).

PUSAT PENYELIDIKAN MANUSKRIP ALAM MELAYU ATMA MENGANGKAT TARAF MUFTI

Ahmad Bazri Mokhtar & Mohd Faizal Musa



Pada 11 dan 12 Ogos 2015 lalu, Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu ATMA menganjurkan Seminar Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu: Sumbangan dan Peranan Mufti Dalam Kegemilangan Tamadun Alam Melayu. Ia telah berlangsung di Pusat Dakwah Islamiah Paroi, Seremban dengan kerjasama Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Y.Bhg S.S Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri Mufti Wilayah Persekutuan telah hadir menyampaikan ucaptama bertajuk 'Peranan Dan Sumbangan Shaykh Al-Islam/Qadi Al-Malik Al-Adil/Mufti Dalam Pembinaan Kegemilangan Tamadun Kesultanan Di Alam Melayu'. Sementara penutup seminar ini disempurnakan oleh Ke Bawah Kaus YTM Dato' Klana Petra, Dato' Haji Mubarak bin Dohak, iaitu Undang Luak Sungai Ujong. Rata-rata kertas yang dibentangkan menganggarkan kedudukan Mufti di alam Melayu dan menganggap kedudukan mereka tidak dapat diperlakukan sama sekali. Mufti pula secara umumnya menonjot status pemerintah dalam kerajaan Melayu, merafa sembah dan melindungi darjah serta kedudukan penguasa tersebut tanpa berbelah bahagi.

SEKALA ATMA OLEH FAISAL TEHRANI

Ruang ini alma jiwa bestari
tempat diam kallu nan basah ilmu
tempat huni nulari mendamba hikmah
tempat melaung cendekia berfikir
tempat akal bersatu tekal
tempat cekal menggenggam makrifat
sila, maka silalah masuk
meneguk pelajaran bermacam-macam
arif bestari lingkungan Melayu
alam dan kehidupan
susila nan ketamadunan
sari budi bersih phakarti
bekal sampai nanti hadapan
khutulbhahah sebuah peradaban.

6 Jun 2012/16 Rejab 1433 H
Institut Alam dan Tamadun Melayu

Dari Makassar merantau ke Buton,
Belayar ke pulau hujung benua;
Dari Bangi terbang ke London,
Baru dikata mengenal dunia.

Suhaini Md Noor
14 Januari 2016